

**Pendokumentasian Pengalaman Pendaki Istimewa Malaysia Pertama
Menawan Kem Induk Everest**

Amalia Binti Zulkepli
Dayang Ann Amelna Binti Abg Yamin
Abdul Rahman Ahmad
Mohd Shamsul Mohd Shoid

**Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

Abstrak

Artikel ini selain berdasarkan sumber daripada pembacaan dan kajian penulis terhadap tokoh, ia juga berasaskan kepada sumber lisan yang telah dijalankan bersama pendaki istimewa negara pertama yang mendaki Kem Induk Everest iaitu saudara Azrul Khan Hasrullah Bin Matsah. Beliau telah menceritakan tentang latar belakang beliau sebagai pendaki istimewa negara. Penceritaan ini bermula dari kisah latar belakang kehidupannya dan alam persekolahan, pekerjaan dan perkara yang menjurus minat beliau dalam bidang pendakian. Selain penceritaan tentang penglibatan, beliau juga berkongsi pengalaman manis dan pahit sepanjang penglibatan beliau sebagai seorang pendaki istimewa pertama yang merangkak ke puncak Gunung Everest dengan menggunakan kedua-dua belah tangan. Artikel ini juga menceritakan pencapaian, anugerah dan nasihat yang boleh dijadikan sumber inspirasi untuk generasi muda.

Kata Kunci: Azrul Khan Hasrullah, Pendakian, Pendaki Istimewa, Gunung Everest

Latar Belakang

Nama Azrulkhan Hasrullah Bin Matsah bukanlah nama asing bagi peminat pendakian di Malaysia kerana beliau merupakan pendaki pertama Malaysia yang merangkak ke Gunung Everest iaitu gunung tertinggi di dunia. Beliau dilahirkan pada 20 Januari 1992 dan merupakan anak kelahiran Sarawak yang kini berumur 27 tahun. Beliau lebih selesa dikenali dengan panggilan Adam dikalangan keluarga dan sahabat. Sewaktu kecil beliau menghidap demam panas teruk sehingga menjurus kepada penyakit Polio. Menurut keratan akhbar Berita Harian (Khairul Najib Asarulah Khan, 2018) Adam menghidap penyakit 'Polio' menyebabkan kedua-dua kakinya lumpuh sejak lahir dan pada masa yang sama beliau menghidap Skoliosis iaitu penyakit tulang belakang. Beliau menetap di Kampung Sungai Tua Bahru, Batu Caves, Selangor atas beberapa faktor iaitu untuk menyambung pelajaran beliau di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), faktor pekerjaan dan pada masa yang sama kerana kerajaan Selangor menyediakan pelbagai bantuan untuk golongan OKU (Orang Kelainan Upaya).

Beliau merupakan anak ke-4 daripada 9 orang adik beradik yang terdiri daripada 4 orang lelaki dan 5 orang perempuan. Adik-beradik beliau mempunyai kerjaya yang cemerlang kerana abang beliau merupakan seorang bomba dan adik lelaki beliau merupakan seorang tentera. Bapa beliau, Matsah Haji Wahab dan berumur 52 tahun dibesarkan di Kampung Jemukan, Samarahan, Sarawak. Beliau berkhidmat sebagai guru Pendidikan Khas selama 20 tahun di Sekolah Rendah Semerah Padi. Ibu beliau bernama Sarimah binti Lili yang lahir di Kampung Batu Kitang, Sarawak, juga berkhidmat sebagai seorang guru Bahasa Inggeris di Sekolah Rendah Agama Datuk Haji Abdul Kadir Hassan. Azrulkhan Hasrullah telah mendirikan rumah tangga pada tanggal 15 Disember 2018, ketika berusia 26 tahun di Bangi Convention Center. Isteri beliau ialah Sharifah Syafiqah Syed Nasir merupakan anak sulung dan berumur 26 tahun. Sharifah Syafiqah berasal daripada Bangi, Selangor namun pernah dilahirkan di Miri Sarawak. Syafiqah merupakan pekerja separuh masa di UIA masih lagi menyambung pelajaran dalam peringkat sarjana dalam Jurusan Kewangan Islam. Beliau mengenali isterinya

sewaktu mereka di universiti apabila sering kali terlibat dalam program-program di bawah kelab yang beliau sertai seperti program yang melibatkan kesedaran OKU.



Gambar 1: Azrulkhan Hasrullah Matsah

Nama:	Azrulkhan Hasrullah Bin Matsah
Umur:	27 tahun
Tarikh lahir:	20 Januari 1992
Asal:	Kuching, Sarawak
Penyakit:	Polio atau cacat kedua-dua belah kaki
Pendidikan:	1. Ijazah Sarjana (bidang Pengurusan Perniagaan) 2. Ijazah Sarjana Muda (bidang Komunikasi Massa)
Pencapaian:	1. The Malaysian Book of Records for being the first disable man to crawl up to The Everest Base Camp 7 November 2018 2. The Malaysian Book of Records for first disable man to crawl up to the Summit of Mount Kinabalu 13 Dicember 2016 3. Anugerah Pengiktirafan Khas Pencapaian Luar Biasa (UIA) 4. Tokoh Ramadhan (UIA, Nilai) 5. Ikon Istimewa (Kerajaan Selangor)

	6. Pelajar Terbaik OKU (UIA) 7. SPM (6A) 8. PMR (7A) 9. UPSR (5A)
Kerjaya	1. Usahawan 2. Penceramah bebas 3. Penulis buku 4. Sukarelawan 5. Pendaki

Pendidikan

Menurut Khairul Najib Asarulah Khan (2018) meskipun kekurangan fizikal, Adam mampu meraih pencapaian bukan dari segi akademik sahaja, malah berjaya mencapai kecemerlangan apabila berjaya menawan gunung tertinggi di Asia Tenggara dengan menggunakan kekuatan kedua-dua tangan beliau. Latarbelakang pendidikan awal Azrulkhan Hasrullah bermula di beberapa buah tempat yang kesemuanya adalah di kawasan Kuching, Sarawak. Antara sekolah yang beliau pernah menuntut ilmu adalah Sekolah Rendah Gersik, Sekolah Rendah Kebangsaan Siol Kanan, Sekolah Rendak Rebak, Sekolah Rendah Demak dan Sekolah Rendah Kampung Jemukan. Penglibatan cemerlang sewaktu di peringkat sekolah rendah dari segi akademik adalah dengan mendapat keputusan cemerlang 5A UPSR (Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah) dan penglibatan lain adalah menjadi johan untuk pertandingan melukis.

Selain itu, Azrulkhan Hasrullah pernah bersekolah menengah di Sekolah Menengah Agama Tun Ahmad Zaidi. Cabaran beliau di sekolah ialah pernah dibuli dan walaupun dibuli beliau tetap cuba sedaya upaya untuk menjadi cemerlang sebagai seorang pelajar. Penglibatan cemerlang sewaktu di peringkat sekolah menengah dari segi akademik adalah mendapat keputusan cemerlang PMR (Peperiksaan Menengah Rendah) 7A dan SPM (sijil Peperiksaan Malaysia) 6A. Selain itu, melibatkan diri dalam persatuan dan memegang jawatan seperti bendahari untuk Kadet Polis dan naib pembantu perpustakaan.

Dalam pada itu, beliau memilih untuk menyambung pelajaran ke UIA yang terletak di Gombak, Selangor. Jurusan yang dipilih adalah Komunikasi Massa. Jurusan ini mempunyai 4 bahagian iaitu Pengurusan Organisasi, Wartawan, Elektronik Media dan Perhubungan Awam dan Azrulkhan Hasrullah telah memilih Pengurusan Organisasi. Beliau berminat dengan jurusan ini kerana minatnya berkaitan hubungan komunikasi dengan manusia dan ingin mengetahui bagaimana untuk meningkatkan komunikasi antara manusia yang dapat menyumbang manfaat kepada masyarakat. Seterusnya, beliau memegang jawatan presiden kelab OKU dan memegang jawatan di kelab penyelamat haiwan. Beliau pernah melakukan program-program kesedaran OKU diperingkat universiti sehingga mewakili universiti dalam menyampaikan idea berkaitan dengan OKU. Bagi penglibatan asasi di UIA beliau mendapat anugerah sebagai Tokoh Ramadhan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak.

Pekerjaan Yang Diceburi

Beliau telah membuka sebuah syarikat yang setahun lebih berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang berkaitan dengan perundingan dan latihan. Selain itu, beliau mula menjadi seorang penceramah pada tahun 2015 dan menerima banyak jemputan ke sekolah dan syarikat-syarikat swasta. Aspek-aspek yang ditekankan sewaktu ceramah sama ada di sekolah atau syarikat swasta adalah dari segi peningkatan motivasi cemerlang dalam kehidupan dan bagaimana seorang individu itu boleh meningkat potensi diri yang boleh memanfaatkan masyarakat dan negara. Azrulkhan Hasrullah telah mengorak langkah lebih jauh dalam menyediakan perkhidmatan seperti mengadakan kem-kem ibadah. Azrulkhan Hasrullah ingin mengambil peluang yang ada supaya dengan apa yang dilakukan boleh membantu menghidupkan masyarakat yang lebih inklusif dalam memenuhi kehendak dan keperluan golongan OKU. Seterusnya dalam bidang penulisan, beliau mula menulis sejak mendapat tawaran menjadi penulis di sebuah syarikat. Antara topik penulisan seni beliau adalah berkenaan falsafah hidup dan bagaimana memahami kunci kejayaan sebenar

dalam hidup serta memperbetulkan setiap salah faham berkenaan dengan erti kejayaan.

Penglibatan Sebagai Seorang Pendaki Istimewa Malaysia

Azrul Khan Hasrullah mula berkecimpung dalam bidang pendakian melalui media sosial iaitu 'Facebook'. Beliau mula mengetahui tentang dunia pendakian ini apabila kawan-kawan media sosial seringkali memuat naik gambar-gambar mereka mendaki ketika mereka berada di puncak. Dari situ beliau melihat aktiviti ini sangat menyeronokkan dan timbul perasaan untuk mendekati diri dengan dunia pendakian.

Pendakian pertama beliau adalah di Bukit Broga bersama dengan 2 orang rakan iaitu Hafiz yang berasal dari Sabah dan Imran berasal dari Kuala Lumpur pada Disember 2014. Imran merupakan seorang OKU yang mengalami kecacatan fizikal kerana terlibat dalam kemalangan kebakaran. Contoh-contoh bukit yang pernah beliau daki adalah Bukit Gasing di Petaling Jaya. Bukit Gasing ini merupakan satu bukit yang banyak cabangnya dan lantaran itu dinamakan Bukit Gasing kerana pusingan trek seperti gasing. Beliau juga pernah mendaki Bukit Saga di Cheras yang sesuai untuk mereka yang baru belajar mendaki. Bukit Besi dan Bukit Jalin di Aceh, Indonesia merupakan bukit yang beliau pernah mendaki di luar Malaysia. Seterusnya, gunung-gunung yang pernah didaki beliau adalah Gunung Trusmi. Gunung Trusmi merupakan gunung kedua tertinggi di Malaysia. Selain itu, beliau mendaki Gunung Bunga Buah di Genting yang mempunyai trek yang agak sejuk. Beliau juga mendaki 2 buah gunung di Negeri Sembilan iaitu Gunung Angsi dan Gunung Datuk. Perjalanan untuk kedua-dua gunung ini mengambil masa satu hari sahaja.

Dalam pada itu, persiapan dilakukan oleh Azrul Khan Hasrullah untuk pendakian pertama adalah penting dari segi fizikal iaitu dengan mengekalkan stamina. Beliau sering ke gym dan setiap petang beliau akan melakukan senaman ringan sama ada berkerusi roda pusing satu taman sejauh 4 hingga 5 km atau melakukan latihan bola tampar. Bagi persiapan mental boleh dilakukan dengan

mengenali atau membuat kajian mengenai pendakian yang bakal dilakukan di sesuatu gunung atau bukit dengan bertanyakan kawan yang berpengalaman atau kajian melalui laman sesawang bagi mempelajari berkenaan dengan trek dan keadaan cuaca. Seterusnya, persediaan dari segi rohani ialah sentiasa memohon doa dari Allah S.W.T dan rakan-rakan sebelum mendaki.

Bagi peralatan alat khas yang digunakan sepanjang mendaki adalah Azrul Khan akan menggunakan sarung tangan untuk melindungi kedua-dua tangan beliau, pad keras yang akan melindungi kedua-dua lutut beliau, pembalut untuk membalut bahagian-bahagian anggota badan yang mungkin terdedah dengan luka dan bergantung kepada keadaan trek dan cuaca. Jika keadaan cuaca hujan atau sejuk beliau memakai pakaian berlapis windbreaker atau jaket dan jika cuaca panas beliau hanya memakai sehelai baju yang memang sesuai dengan keadaan panas.

Pendakian ke Gunung Everest

Azrul Khan Hasrullah tidak pernah terlintas dalam fikiran untuk diberi peluang untuk mendaki Everest Base Camp kerana pendakian merupakan minat beliau sahaja. Pendakian Kem Induk Everest ini mempunyai 5 anggota termasuk Azrul Khan Hasrullah dan mereka adalah terdiri daripada Encik Arif Abdullah sebagai ketua ekspedisi dan pasukan bantuan perubatan. Coach Ardi Bin Dullam, sebagai jurulatih peribadi dan pegawai keselamatan. Encik Irwan (Abang Boy) sebagai pegawai perhubungan awam serta pengedit video dan Encik Farhad Abdul Rahim (Abang Panjang) sebagai pengendali barang-barang khas untuk pendakian.

Beliau mula mengenali Coach Ardi Bin Dullam sejak beliau mendaki Gunung Kinabalu. Coach Ardi berumur 43 tahun dan berasal dari Sabah. Beliau antara penaja Azrul Khan Hasrullah sewaktu mendaki Gunung Kinabalu dan sejak dari itu beliau seringkali mendaki bersama Azrul Khan. Beliau mula menjadi jurulatih peribadi Azrul Khan Hasrullah sejak tahun 2016. Coach Ardi banyak memberikan latihan fizikal dan mempunyai banyak ilmu berkenaan dengan

keselamatan khususnya keselamatan tali dan perhutanan. Coach Ardi merupakan seorang pesara tentera. Beliau berpangkat komander dalam pasukan ELIT SMART dan mempunyai kelab renang iaitu Flying Fish Swimming Classes Global serta mempunyai kelab "BOAT" di Sabah bahkan beliau merupakan ahli kepada pasukan penyelam antarabangsa Malaysia.

Seterusnya, Abang Alip berasal daripada Selangor. Beliau merupakan seorang pelajar di UKM dan seorang staf di hospital UKM. Alip memiliki ilmu perubatan yang mendalam kerana beliau merupakan seorang graduan farmasi dan sangat berminat dalam bidang perubatan yang berkaitan dengan pergunungan. Beliau kerap berulang alik dari Malaysia ke Nepal untuk belajar berkenaan dengan perubatan di sana. Selain itu, Alip merupakan setiausaha Kelab Eksplorasi 7 Benua dan seorang farmasi staf farmasi di HUKM. Azrulkhan kagum kerana peribadi Abang Alip yang sangat berani dan suka membuat kerja yang luar biasa dengan berjaya merentasi Greenland dan kerap turun naik di Puncak Summit Everest.

Encik Farhad Bin Abdul Rahim (Abang Panjang) merupakan anak kelahiran negeri Selangor dan merupakan alumni UKM. Beliau berperwatakan kelakar dan menetap di Bangi. Encik Farhad mendapat gelaran panjang kerana ketinggian beliau yang luar biasa. Beliau mempunyai perniagaan makanan tersendiri. Beliau membuka kafe di UKM dan terdapat 9 buah kafe yang ada di UKM. Selain dari pemakanan, bisnes yang dilakukan adalah bisnes sewa peralatan dan tempat bermain futsal dan seringkali melakukan bisnes dalam bidang pendakian. Selain itu, Encik Farhad merupakan bendahari dalam kelab Ekspedisi 7 Benua dan seorang pendaki tegar dalam ekspedisi Eksplorasi 7 Benua dan pernah juga menyertai ekspedisi Greenland serta Kutub Utara. Seterusnya, misi pendakian ke Kem Induk Everest ini ditaja oleh pihak Kelab Eksplorasi 7 Benua yang diterajui oleh Encik Muqorobin Mukhtarodin. Beliau merupakan pendaki yang pertama mendaki dari Kutub Utara sehingga Kutub Selatan dan memiliki gelaran Grand Slam.

Sebelum Mendaki

Menurut Wan Jailani Razak (2 Mei 2018) menyatakan Muhamad Muqharabbin Mokhtarrudin atau Qobin selaku penaja ekspedisi Azrul Khan Hasrullah sudah menjalankan ujian untuk melihat tahap persediaan dan kecergasan beliau. Pelbagai latihan dilakukan seperti di darat, air dan kawasan yang sejuk. Antaranya berenang, bubling, merentasi jarak lebih daripada 7 km dengan merangkak, 20 km dengan berkerusi roda, mula meningkatkan berat yang dilakukan di gym luar daripada biasa dan mendaki seminggu sekali untuk latihan Kem Induk Everest. Beliau melakukan pendakian khusus satu hari satu pendakian selama tiga hari berturut-turut. Bagi penyediaan peralatan Azrul Khan Hasrullah disediakan oleh pihak Kelab Eksplorasi 7 Benua dan penajaan dari UFL iaitu satu syarikat pengurusan barang-barang pendakian dan mendapat tajaan daripada Encik Farhad. Kos-kos yang perlu diambil kira dalam pendakian ini dari segi makanan, pakaian, kos latihan, penerbangan, tempat tinggal dan kecemasan anggaran antara 15 ke 20 ribu dolar sekepala. Tarikh sebenar ekspedisi tersebut adalah pada 28 April 2018. Menurut Wan Jailani Razak (15 Mei 2018) menyatakan pendaki yang kudung kedua-dua kaki, Azrul Khan Hasrullah menuju ke Kem Induk Everest pada ketinggian 5,350 meter (m) bermula jam 7 pagi waktu tempatan (9.15 pagi waktu Malaysia).



Gambar 2: Azrul Khan Hasrullah semasa mendaki Kem Induk Everest

Semasa Pendakian

Pendakian ini adalah selama lebih kurang 15 hari tetapi keberadaan mereka di Nepal merupakan lebih kurang sebulan lebih dan hari-hari yang bukan hari pendakian digunakan untuk mengenal pasti tempat dan pendokumentasian. Pada 28 April 2018 mereka terbang dari Malaysia ke lapangan terbang Nepal iaitu Tribhuvan Airport dan menetap di Oyo Hotel di Kathmandu.

Pada hari kedua, mereka menuju ke permulaan pendakian yang terletak di Lukla dengan menaiki kapal terbang kecil dikenali sebagai Fokker dan penerbangan ini memerlukan masa kerana perkhidmatan yang terhad dan laluan penerbangan yang sangat dasyat kerana melalui pergunungan yang meliputi banjaran-banjaran dan gunung-gunung kawasan kediaman. Pengalaman yang tidak boleh dilupakan sewaktu mendaki daripada Lukla ke Gatte adalah reaksi daripada orang-orang tempatan Nepal yang sangat terpegun kerana tidak pernah melihat pendaki yang merangkak sebelum ini. Seterusnya, mereka bergerak dari

bukit tangga menuju ke Namche Bazaar dan cuaca panas menyebabkan Azrulkhan mendapat selsema dan ulser yang teruk.

Dalam masa itu, banyak cabaran yang dihadapi oleh beliau menurut Sarawakvoice.com (Asmah Adenan, 15 Mei 2018), Azrulkhan mengharungi pendakian panjang, cabaran salji, laluan yang becak serta tahi lembu yak yang banyak selain suhu sehingga (-8) serta pendakian harian 8-11 jam. Beliau perlu merangkak ke atas ais salji-salji sehingga tangan beliau menjadi keras dan perlu menggunakan alat pemanas dan membalut tangan menggunakan plastik. Selain itu, ribut salji dan ribut pasir menyebabkan nafas keluar ketulan-ketulan hitam dan menyebabkan penglihatan mereka kurang jelas. Pancaran matahari secara langsung terus masuk ke penglihatan mata yang boleh membutakan mata jika tidak menggunakan cermin mata khas mendaki. Selain itu, keadaan pada waktu malam menjadikan ekspedisi menjadi semakin mencabar yang menyebabkan Azrulkhan pernah jatuh walaupun memakai lampu pemancar kepala. Pada tiga hari terakhir, mereka berada di ketinggian yang agak tinggi iaitu 4 ribu kaki di Pericer. Pericer merupakan satu perkampungan yang mempunyai satu unit khas yang akan memberi penerangan untuk pendaki-pendaki berkenaan perubatan. Mereka bergerak daripada Osho ke Gorak Shep yang merupakan satu destinasi terakhir sebelum ke Everest Base Camp sebelum beliau ke Kem Induk Everest.

Perasaan yang tidak dapat diungkap dengan kata-kata sewaktu tiba di puncak Gunung Everest. Azrulkhan Hasrullah berasa bangga kerana walaupun terdapat pelbagai cabaran yang ditempuh selama 15 hari akhirnya mereka telah berjaya membawa misi yang sangat penting dan berjaya menempah nama di mata dunia.



Gambar 3: Azrul Khan merangkak dan mengengsot sepanjang mendaki Kem Induk Everest bersama pasukan mendaki



Gambar 4: Azrul Khan merangkak dan mengengsot sepanjang mendaki Kem Induk Everest bersama pasukan mendaki

Selepas Mendaki

Beliau mula melibatkan diri dalam bidang sukan atau aktiviti luar termasuk kayak, memanah, marathon, ping pong dan bola tampar duduk. Seterusnya, beliau telah mendapat perhatian apabila dijemput untuk bersiaran di kaca TV, radio dan nama beliau tersebar di dalam akhbar. Akhir sekali, Azrul Khan telah memberi inspirasi kepada orang ramai kerana apa yang beliau lakukan ini bukan saja dapat meningkatkan potensi beliau tetapi boleh menjadi satu sumber kepada orang lain untuk meningkatkan potensi mereka sendiri. Menurut keratan Akhbar Utusan Malaysia (Mohd Azraie Md.Yusof, 8 Disember 2018) bertajuk 'Cacat bukan penghalang kejar impian' menyatakan tidak menyangka Azrul Khan Hasrullah akan sampai ke Everest Base Camp (EBC) Nepal yang terletak pada ketinggian 5,364 meter dari paras laut.



Gambar 5: Azrul Khan Hasrullah dan pasukan mendaki Kem Induk Everest (Arif Abdullah (Ketua Ekspedisi), Coach Ardi Dullam (Jurulatih Peribadi), Irwan @ Abg Boy (Perhubungan Awam) & Farhad Abdul Rahim @ Abg Panjang (Pengendali Keperluan Khas))

Penglibatan dalam aktiviti dan persatuan

Azrul Khan Hasrullah gemar melukis sejak di bangku sekolah lagi dan pernah menjadi johan dalam pertandingan melukis ketika di sekolah rendah. Beliau pernah menghasilkan sebuah komik yang telah dihasilkan sendiri dengan bakat yang ada. Semasa beliau di sekolah menengah pula, beliau melibatkan diri di dalam persatuan-persatuan seperti Kadet Polis dan Kelab Perpustakaan. Walaupun banyak menerima cabaran sepanjang kehidupan beliau di peringkat sekolah dan universiti, pergerakan beliau yang terhad tidak menghalang keinginan beliau untuk melibatkan diri dalam pelbagai bidang dari segi akademik dan juga persatuan.

Selain itu, beliau merupakan seorang presiden di sebuah kelab Orang Kelainan Upaya (OKU) di Universiti Islam Antarabangsa dan melibatkan diri dalam sebuah kelab penyelamat haiwan dibawah persatuan kelab di universiti. Sepanjang beliau menjadi presiden kelab OKU, beliau banyak melakukan program-program kesedaran OKU di peringkat universiti dan pernah menjadi wakil universiti dalam menyampaikan idea-idea beliau berkaitan dengan OKU.

Walaupun beliau mengalami kesukaran dari sudut pergerakan, beliau tetap cuba untuk aktif dalam menyertai persatuan dan juga program-program amal. Beliau sendiri pernah mengendalikan beberapa program yang melibatkan OKU pada peringkat universiti dan antarabangsa. Antaranya, karnival kerjaya untuk OKU dan juga karnival kesedaran OKU di peringkat negeri Selangor dan Sarawak. Selain itu, pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan pelajar OKU yang menuntut di sekolah rendah dan menengah turut dilakukan oleh Azrul Khan Hasrullah, malah seringkali dijemput khas oleh pihak sekolah untuk memberikan ceramah dan juga kesedaran kepada golongan OKU. Kelebihan yang ada pada beliau dapat memberikan inspirasi dan keyakinan kepada golongan OKU terutama pelajar-pelajar sekolah untuk terus bersemangat dan mencapai impian masing-masing. Beliau seringkali menerapkan semangat yang tidak pernah berputus asa dan tidak mudah terkesan dengan pandangan negatif dan sikap memandang rendah oleh masyarakat luar terhadap beliau.

Penghargaan dan pencapaian

Azrul Khan Hasrullah bukan sahaja seorang yang aktif bersukan lasak, malah beliau merupakan seorang pelajar cemerlang dalam bidang akademik kerana berjaya memperoleh keputusan cemerlang UPSR 5A, PMR 7A dan juga SPM 6A. Beliau seringkali menjadi contoh pelajar OKU terbaik di sekolah beliau kerana pencapaian yang beliau perolehi. Beliau juga pernah mendapat satu anugerah sebagai Tokoh Ramadhan di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak dan Anugerah Pencapaian Luar Biasa Istimewa yang dianugerahkan sendiri oleh Menteri Pendidikan, YB Maszlee Malek. Beliau turut dinobatkan sebagai Ikon Istimewa oleh Kerajaan Selangor malah seringkali dijadikan sebagai Ikon OKU diperingkat sekolah yang telah banyak memberikan inspirasi kepada masyarakat atas kejayaan beliau yang luar biasa. Di samping itu, antara pengiktirafan peringkat antarabangsa yang beliau perolehi adalah daripada agensi berita Sepanyol yang pernah dikunjungi sendiri oleh penulis blog antarabangsa iaitu Drew Bisky dan seringkali mendapat perhatian oleh majoriti agensi pelancongan antarabangsa. Pencapaian dan pengiktirafan terbesar beliau adalah apabila beliau berjaya mencipta nama dalam The Malaysian Book of Records sebanyak dua kali pada tahun 2016 dan 2018 sebagai seorang pendaki Orang Kelainan Upaya (OKU) pertama yang berjaya menawan dan merangkak ke puncak tertinggi di Malaysia iaitu Gunung Kinabalu dan gunung tertinggi di Asia iaitu Kem Induk Everest.

Nasihat dan sokongan

Ibu bapa, keluarga dan isteri beliau khususnya telah banyak memberikan sokongan dan dorongan dalam aktiviti yang beliau lakukan. Kawan-kawan beliau yakni pasukan pendaki yang selalu bersama-sama dengan beliau juga banyak memberikan sokongan dan dorongan dengan sentiasa memberikan semangat dan kata-kata positif kepada beliau. Mereka seringkali mengingatkan beliau

tentang persiapan yang lengkap setiap kali beliau ingin mencuba sesuatu yang luar biasa mengikut kemampuan malah turut dari segi rohani, mental dan juga fizikal. Antara pasukan pendakian yang selalu bersama-sama beliau termasuklah Encik Arif Bin Abdullah yang merupakan salah seorang anggota anak gunung yang selalu memberikan nasihat dan berkongsi ilmu tentang dunia pendakian. Encik Muqirobin Mukhtarodin juga antara salah seorang pasukan anak gunung yang telah memberikan peluang dan kepercayaan kepada beliau untuk mendaki Kem Induk Everest.

Kesimpulan

Kekurangan fizikal tidak sesekali menghalang seseorang individu untuk mencapai apa yang diminati. Di sini telah jelas membuktikan bahawa Azrulkhan Hasrullah yang berkelainan upaya mampu menjalani kehidupan seperti orang lain malah mampu mencipta nama di persada antarabangsa. Kekurangan diri beliau tidak pernah dijadikan alasan untuk beliau terus berusaha mencapai impiannya. Antara harapan beliau untuk masa hadapan khususnya bagi golongan OKU agar setiap pihak yang terlibat boleh memberikan peluang yang lebih terbuka dan lebih luas kepada golongan OKU tidak kira dari segi kerjaya, perniagaan, perhubungan sosial dan ekonomi. Malah, beliau berharap pihak tertentu mampu memberikan sumbangan kepada golongan ini agar golongan OKU khususnya tidak sesekali tertindas dan dilupakan. Golongan ini juga sememangnya layak untuk memajukan negara kita sama seperti orang lain. Selain itu, salah satu yang ingin dilakukan oleh Azrulkhan Hasrullah adalah dengan meluaskan lagi aktiviti yang melibatkan keprihatinan terhadap golongan OKU dan ingin memberikan peluang kepada golongan ini dalam penglibatan aktif khususnya dalam bidang sukan. Beliau ingin memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa golongan ini tidak sesekali ketinggalan dalam era moden dimana peluang mudah diperolehi dan dicapai malah diberikan perhatian serta menjaga kebajikan dan keperluan mereka. Dengan adanya persatuan, perbincangan dapat diadakan sekaligus membantu pihak yang terlibat mengenalpasti kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan

oleh golongan orang kelainan upaya (OKU). Hasrat yang ingin Azrulkhan Hasrullah lakukan ini tidak lain tidak bukan hanyalah untuk membantu golongan seperti beliau. Golongan orang kelainan upaya (OKU) juga mampu membuat sesuatu perkara yang luar biasa seperti orang lain. Malah ada yang sempurna fizikal tidak mampu menandingi bakat yang ada pada golongan seperti mereka. Sekaligus beliau ingin menitikberatkan akan kesedaran masyarakat luar agar tidak lagi memandang rendah terhadap golongan kelainan upaya ini.

Rujukan

Azrulkhan Hasrullah. (5 dan 13 April 2019). Temubual individu.

Haika Khazi. (2016, Disember 4). Selepas tawan Kinabalu, siswa OKU mahu merangkak ke puncak Everest. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/node/220005>

Khairul Najib Asarulah Khan (2017, September 26). Everest aku datang. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/09/266940/e-verest-aku-datang>

Kosmo. (2018, Ogos 6). Cara pendakian golongan OKU berbeza. Retrieved from https://scontent.fkul31.fna.fbcdn.net/v/t1.09/38434506_525214984601889_7414957128953102336_n.jpg?_nc_cat=102&_nc_ht=scontent.fkul31.fna&oh=50942e5df59125b7cbd5b722b7e36c6b&oe=5D6A982A

Mohd. Azraie Md. Yusof. (2018, Disember 8). Cacat bukan penghalang Kejar impian. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/mega/rona/cacat-bukan-penghalang-kejar-impian-1.801085>

Wan Jailani Razak. (2018, Mei 15). Adam sampai Kem Induk Everest selepas 16 hari mengengsot. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/05/426118/adam-sampai-kem-induk-everest-selepas-16-hari-mengengsot>